



Idris menikmati juadah bersama mangsa banjir di SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, semalam. [FOTO MOHD JAMAH NASRI/BH]



Mohd Pungut Mat Kusin memindahkan barangan di rumahnya di Kampung Parit Ponorogo, Ledang, semalam. [FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]

533 mangsa banjir ke pusat pemindahan

» Hujan lebat sejak kelmarin mengakibatkan air naik di sekitar Alor Gajah

Oleh Badrul Kamal Zakaria, Togi Marzuki dan Norizzah Baharudin
bhnews@bh.com.my

■ **Kuala Lumpur**

Sebanyak 125 keluarga membabitkan 533 penduduk di sekitar daerah Alor Gajah, Melaka dipindahkan ke enam pu-

sat pemindahan awal pagi semalam, berikutan banjir selepas hujan sejak 11 pagi kelmarin.

Mereka ditempatkan di balai raya Kampung Gadek; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pengkalan; Dewan Masjid Ar-Rasyidin; balai raya Kampung Beringin; Sekolah Kebangsaan (SK) Belimbing Dalam dan balai raya Kampung Panchor.

Di **Pontian**, 61 orang dan 22

mangsa di Ledang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan sementara selepas rumah mereka dilanda banjir kilat.

Selain itu, tiga keluarga dari Kampung Parit Ponorogo dan Tanjung Gading, Ledang pada mulanya dipindahkan ke surau dan balai raya di kampung itu mulai malam kelmarin sebelum ditempatkan di SK Parit Bunga yang dibuka jam 12 tengah hari semalam.

Awasi pergerakan anak

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron meminta semua pemimpin kawasan memantau kampung yang terjejas, selain menasihatkan ibu bapa mengawasi pergerakan anak mereka supaya tidak leka bermain air.

"Saya nasihatkan kepada me-

reka (mangsa) supaya mengambil langkah berwaspada kerana bimbang ada pihak yang melepaskan air dari hulu sungai sehingga menyebabkan air naik dengan pantas," katanya selepas melakukan tinjauan mangsa banjir di SMK Seri Pengkalan, semalam.

Mangsa banjir, S Valiamah, 61, berkata dia hanya menyedari rumahnya dinaiki air pada jam 11 malam, selepas terlelap namun terjaga sebaik terdengar jeritan jiran.

"Saya bingkas bangkit daripada tidur dan terkejut melihat air memenuhi lantai rumah. Saya sempat membuka pintu rumah," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan SMK Seri Pengkalan.

Mangsa banjir, Rohana Harun, 60, berkata air mula memasuki ruang dalam rumah pada jam 8.30 malam kelmarin, sebelum berpindah ke pusat pemindahan sama pada jam 12.30 tengah malam.

"Ketika kejadian saya dan keluarga baru saja selesai makan malam namun air masuk ke dalam rumah dengan cepat hingga ke paras dada. Bagaimanapun, kami sempat menyelamatkan beberapa barangan penting," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Ledang, Ab Han Ramin, berkata semua mangsa dipindahkan sebagai langkah berjaga-jaga berikutan keadaan air yang meningkat.

"Banjir ini disebabkan oleh faktor hujan lebat yang berlaku lewat petang semalam, selain fenomena air pasang besar menyebabkan air dari kawasan daratan tidak dapat mengalir ke laut," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.